

**SOALAN NO. 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN**

**[ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk membantu warga OKU bagi mendapatkan kemudahan yang diperlukan untuk diterapkan ke masyarakat umum dalam kerjaya dan kehidupan sosial mereka.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)  
amat prihatin mengenai kesejahteraan dan kebajikan golongan Orang  
Kurang Upaya (OKU). Dalam hal ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan  
Masyarakat (JKM) menyediakan program sokongan dan skim bantuan  
yang membolehkan kerajaan membantu warga OKU bagi mendapatkan  
kemudahan yang diperlukan untuk diterapkan ke masyarakat umum dalam  
kerjaya dan kehidupan sosial mereka seperti berikut:

### **i. Job Coach (JC)**

*Job Coach* berperanan untuk membantu OKU dan majikan dalam  
membuat penyesuaian kepada persekitaran kerja dan bidang kerja,  
mengambil kira keupayaan OKU supaya OKU dapat bekerja dalam  
keadaaan selesa dan produktif. Selain itu, peranan *Job Coach* adalah  
untuk mewujudkan hubungan saling memahami antara pekerja OKU  
dengan majikan dan rakan-rakan sekerja agar mereka dapat membantu

OKU bekerja secara berterusan di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan. Bagi tempoh Oktober 2010 hingga September 2013, seramai 895 orang telah dilatih bagi membantu OKU untuk bekerja. Antaranya Pegawai Kebajikan Masyarakat, petugas Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), guru pendidikan khas dan kakitangan hospital dan juga kakitangan syarikat swasta. Manakala majikan yang menggunakan perkhidmatan *Job Coach* adalah sebanyak 21 majikan.

**ii. Disability Equality Training (DET)**

DET ialah satu proses penyertaan untuk mempelajari tentang ketidakupayaan (*disability*) daripada perspektif Model Sosial. DET adalah kursus yang direka cipta dan disampaikan atau diterjemahkan sendiri oleh warga OKU yang mempunyai pengalaman didiskriminasi. DET juga bertujuan untuk mempromosi pemahaman tentang kecacatan (*disability*) untuk membantu para peserta:

- a. memahami punca dan mekanisme yang menyebabkan ketidakupayaan itu berlaku seperti pengasingan sosial, halangan penyertaan, diskriminasi dan sebagainya; dan

- b. menjadi agen perubahan untuk melahirkan masyarakat terangkum dengan tindakan proaktif.

Bagi tempoh November 2006 hingga Januari 2013, JKM dengan kerjasama JICA telah melatih seramai 43 OKU di Malaysia dan 6 daripadanya merupakan pegawai JKM sebagai jurulatih DET sepenuh masa.

### **iii. Program Independent Living (IL)**

*Independent Living (IL)* merupakan konsep atau pandangan yang memberi penekanan terhadap kebebasan OKU dalam membuat keputusan, menentukan hala tuju atau matlamat hidup dan mempunyai tanggungjawab sepenuhnya ke atas diri sendiri dalam pelbagai aspek kehidupan. Ia juga bertujuan untuk memberi penghormatan kepada OKU yang merupakan sebahagian daripada sistem yang membentuk sesebuah masyarakat serta mempunyai hak dan keperluan yang perlu dipenuhi dalam melangsungkan kehidupan mereka. JKM dengan kerjasama JICA telah menganjurkan Program IL sejak tahun 2005. Hingga September 2013, seramai hampir 1,050 orang telah diberi penerangan tentang konsep IL.

#### **iv. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)**

PDK merupakan satu kaedah pembangunan komuniti untuk golongan OKU menjalani pemulihan dalam keluarga dan masyarakat sendiri yang memberi peluang kepada OKU menjalani pemulihan, mengecapi peluang sama rata dan berinteraksi dengan masyarakat. Program ini memerlukan penyertaan dan penglibatan aktif OKU, ibu bapa / keluarga / penjaga dan masyarakat setempat dengan memaksimumkan penggunaan sumber tempatan yang sedia ada dalam komuniti. PDK juga merupakan satu pendekatan pembangunan ke arah sokongan dan kesedaran masyarakat dalam membantu OKU untuk mengecapi taraf hidup yang lebih selesa. Sejak dimulakan pada tahun 1984 hingga kini, terdapat sebanyak 486 buah PDK yang memberikan perkhidmatan kepada seramai 21,138 orang kanak-kanak OKU.

#### **v. Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi**

Pusat ini ditubuhkan bertujuan untuk memberi latihan vokasional dan pemulihan perubatan kepada OKU fizikal sahaja. Terdapat beberapa kursus yang telah disediakan. Antaranya ialah kursus vokasional seperti

pembantu tadbir sistem maklumat (MLVK), rekaan fesyen dan jahitan (MLVK), elektrikal (MLVK), elektronik, membuat alat sokongan (protestik & orthotik), multimedia dan pembuatan kerusi roda. Kursus pra-vokasional seperti elektronik, komputer, lukisan dan jahitan. Hingga September 2013, seramai 100 OKU telah mengikuti latihan vokasional dan pemulihian perubatan di PLPP.

#### **vi. Bengkel Terlindung**

Di bawah KPWK terdapat dua Bengkel Terlindung iaitu Bengkel Daya Klang di negeri Selangor dan Bengkel Daya Sungai Petani di negeri Kedah. Penubuhan bengkel ini adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran luar. Di samping itu, bengkel ini juga ditubuhkan untuk melatih mereka supaya berdikari dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu agar mereka mendapat lebih peluang bekerja di pasaran yang lebih terbuka. Pada masa ini, seramai 68 OKU telah menerima perkhidmatan di Bengkel Daya berkenaan.

## **vii. Khidmat Nasihat dan Kaunseling**

Bagi OKU atau keluarga mereka yang menghadapi masalah dari segi emosi, keyakinan diri dan sebagainya atau memerlukan maklumat berkaitan jenis-jenis perkhidmatan yang diperlukan, bolehlah mendapatkan khidmat tersebut daripada Pegawai / Pembantu Kebajikan Masyarakat yang berkelayakan atau kaunselor di Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri-Negeri.